

LEMBAGA URUS AIR SELANGOR  
(UNIT KORPORAT)

AKHBAR : SINAR HARIAN  
TARIKH : 21 JULAI 2019

KERATAN AKHBAR

33

**NEGERI** Tengah

## Minyak bengkel punca pencemaran

*Bahan dilepaskan ke paip pembentungan awam secara haram*

NUR FARHANA ABDUL MANAN

HULU SELANGOR



Loy Sian (kanan) ketika melawat Loji Rawatan Kumbahan Serantau IWK Batang Kali semalam.

Bahan berasa minyak dilepaskan dari bengkel kenderaan ke paip pembentungan awam dipercayai menjadi punca pencemaran bau yang menyebabkan gangguan bekalan air kepada lebih 1 juta pengguna di Selangor dan Kuala Lumpur sejak semalam.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi Dan Inovasi dan Hal Ehwal Pengguna Selangor, Hee Loy Sian berkata, hasil siasatan mendapati sisa itu disyaki dilepaskan tanpa kebenaran.

Menurutnya, sebaik menerima aduan, Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) melakukan siasatan bermula dengan pensampelan dari Sungai Selangor Fasa 1 hingga ke hilir Sungai Batang Kali.

Hasil siasatan, bau terbahit dikesan di Sungai Batang Kali dan Sungai Liam.

"Rentetan itu, sebanyak enam beg *activated carbon* (AC) diletakkan di aliran punca di kawasan Sungai Liam sebagai langkah kawalan.

"Pihak LUAS dapat terdapat lapisan minyak hitam di kebuk masuk masuk Loji Rawatan Kumbahan Serantau, Indah

Water Konsortium Sdn Bhd (IWK) Batang Kali. Bau yang sama dikesan di kawasan muka sauk loji. Rentetan itu kebuk masuk loji telah ditutup pada jam 9 pagi tadi (semalam).

"Disyaki terdapat kemasukan discaj tanpa kebenaran ke paip pembentungan awam yang berkemungkinan dari bengkel kenderaan di kawasan sekitar," katanya selepas melawat Loji Rawatan Kumbahan Serantau IWK Batang Kali semalam.

Beliau berkata, laporan dibuat di Balai Polis Bestari Jaya berhubung pencemaran yang berlaku dan Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) akan menjalankan siasatan lanjut bagi mengenalpasti premis berkaitan.

Katanya, IWK akan menjalankan kerja-kerja penyedutan keluar lapisan minyak sebelum loji IWK beroperasi seperti biasa.

"Pemantauan statik pihak LUAS dan Pengurusan Air Selangor akan dijalankan bagi memastikan tiada kesan bau di Sungai Liam. Sehingga kini, LUAS bersama pihak yang terlibat bekerjasama bagi menangani isu ini dengan kadar segera," katanya.

Terdahulu beliau berkata, LUAS menerima aduan mengenai pencemaran bau di Sungai Selangor sehingga menyebabkan empat loji rawatan air (LRA) utama di Sungai terpaksa dihentikan operasi bermula jam 1.50 petang semalam.

Rentetan itu sebanyak 1,133 kawasan melibatkan 1,166,842 akaun pelanggan di wilayah Petaling, Klang, Shah Alam, Kuala Selangor, Hulu Selangor, Gombak dan Kuala Langat terjejas dan mengalami gangguan bekalan air.

UNIT KORPORAT

TINGKAT 13, BANGUNAN DARUL EHSAN,  
NO.3, JALAN INDAH, SEKSYEN 14, 40000 SHAH ALAM  
TELEFON:03-55111800 / FAX:03-55101800